

19/04/2004

Syor kaji semula senioriti perkhidmatan guru

By Mayuss

SAYA terpanggil memberi tindak balas kepada luahan Guru Penegak Wawasan (24 Februari), Guru Lama Terpinggir (5 April), Guru Tetap Bersemangat (14 April) dan Graduan 1974/94 (15 April) dalam ruangan ini yang menyentuh isu kekananan dalam perkhidmatan selepas mereka memperoleh ijazah.

Apa lagi 'kejayaan' itu hanya dicapai iaitu guru terbabit memperoleh ijazah dalam usia yang hampir 'zon pencen'.

Saya ingin berkongsi pengalaman, keluhan dan luahan rasa mereka kerana sebenarnya bukan mereka saja yang mengalami nasib malang ini, malah ada beribu-beribu lagi pendidik yang bersemangat jati diri seperti anda yang menyahut cabaran kementerian sebelum ini.

Ini mereka lakukan selepas 10 hingga 15 tahun mencurahkan khidmat bakti mendidik anak bangsa di setiap pelosok tanah air, yang secara 'paksa rela' membelanjakan puluhan ribu ringgit, mengorbankan masa dan tenaga hanya untuk memiliki segulung ijazah di samping melakukan anjakan ilmu, pendapatan, pangkat dan yang paling penting untuk meningkat dan memartabatkan profesionalisme perguruan.

Tegasnya, untuk mendapat segulung ijazah, mereka terpaksa melalui pelbagai peringkat kesukaran termasuk meninggalkan anak isteri (kerana rata-rata mereka sudah berkahwin), mencatu makan minum untuk menampung perbelanjaan pembelajaran di menara gading dan sedia menghadapi risiko keselamatan diri dengan berulang alik secara berkala sama ada secara mingguan atau bulanan.

Kini, beribu-ribu lagi guru bersemangat menyambung pelajaran mereka di IPTA atau IPTS sama ada dengan keinginan sendiri atau atas desakan tekanan emosi atau untuk menyahut cabaran kementerian yang mahukan semua guru memiliki ijazah menjelang 2010.

Akhirnya mereka akan berasa pulangan yang didapati selepas memperoleh 'ijazah' tidak setimpal dengan pengorbanan yang telah dicurahkan sebelum ini.

Mereka berasakan seolah-olah tidak ada penghargaan daripada pihak berwajib. Pasti akan muncul banyak lagi tulisan dan catatan yang menggambarkan kekecewaan, yang sebenarnya secara tersirat, catatan itu adalah cadangan dan pandangan positif kepada pihak berwajib (Kementerian Pelajaran) agar berusaha untuk memikirkan satu dimensi baru ke arah perubahan paradigma dalam penentuan syarat dan pendekatan terhadap isu kekananan (senioriti) dalam perkhidmatan guru.

Sekadar contoh, saya juga antara ribuan 'mangsa' yang tergolong dalam guru berkenaan. Saya mula berkhidmat sebagai guru terlatih pada Januari 1984 dalam kategori C2 atau DG6.

Setahun kemudian saya disahkan jawatan. Walaupun saya memiliki Sijil Penuh STPM, saya tidak memohon untuk beralih ke kategori C1, kerana saya bertekad untuk menjejak kaki ke menara gading yang antara syaratnya perlu kepada pengesahan jawatan selain daripada kelayakan akademik.

Pada 1994, saya berjaya ke menara gading. Dalam masa yang sama, saya dianugerahkan Sijil Khidmat Cemerlang di bawah SSB secara melintang yang bererti tangga gaji saya berubah daripada P1 ke P2 dalam kategori DG29.

Pada 1997, saya berjaya memperoleh ijazah pertama dan bertukar pula ke kategori DG3 (kini DG41) dengan tangga gaji P1T4 yang menggambarkan bahawa saya baru berkhidmat selama empat tahun (walaupun realitinya sudah hampir 15 tahun berkhidmat).

Ini sekali gus bermakna saya terlepas peluang serta hilang kelayakan

untuk menikmati EKA sebanyak RM300, apa lagi `jauh panggang dari api' untuk jawatan kenaikan pangkat seperti Guru Kanan Bidang, Penolong Kanan KO, HEM atau Pentadbiran, kerana ditafsirkan sebagai `telur baru menetas', `ubun-ubun masih lembik', `bulu pahat belum tumbuh', `anak belum mumayyiz' dan lain tafsiran yang `sewaktu dengannya', walaupun realiti menunjukkan rambut sudah beruban dan penglihatan kian kabur.

Perbezaan tangga gaji, seperti kata Graduan 1974/94 `begitu nipis seperti kulit bawang'. Pada 2000 saya berjaya memperoleh ijazah kedua.

Saya tidak menafikan inspirasi yang disuntik dan oleh bekas Perdana Menteri kita, Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa `Malaysia Boleh' telah menjiwai diri dan minda pendidik termasuk saya untuk meneruskan pengajian.

Fenomena ini dialami oleh ribuan lagi guru yang menyahut seruan Kementerian, tetapi kesudahannya saya dan pasti mereka juga berasa semacam `tertipu' dan sedar mereka menjadi `pakar' yang tidak pakar, tidak cemerlang dan tidak diiktiraf.

Pada era Datuk Musa Hitam (kini Tan Sri) sebagai Menteri Pelajaran, perkara sebegini tidak menjadi isu, sebabnya beliau bersikap cakna dan prihatin dengan meletakkan asas yang boleh diterima, walaupun pada waktu itu soal senioriti sudah diguna pakai tetapi tidaklah sebagai satu `prasyarat' yang dominan yang diambil kira seperti hari ini kerana tafsiran senioriti tidak dipisahkan dengan pengalaman berkhidmat seseorang pegawai.

Justeru itu sewajarnya, pihak berwajib dapat memikir semula rasional dan bertindak secara lebih proaktif dengan melaksanakan dimensi baru yang menjurus dan berpaksikan kepada realiti keadilan, selaras kepemimpinan baru negara dan kementerian.

Kementerian Pelajaran perlu melaksanakan prinsip `menang-menang' iaitu setidak-tidaknya soal senioriti tidak terhapus bila seseorang pegawai itu masih berada dalam perkhidmatan yang sama.

Unsur `tolak-ansur' perlu dilaksanakan dalam hal ini kerana adalah janggal bila senioriti boleh hilang begitu saja dengan mudah dan dinafikan walaupun pegawai berkenaan telah berkhidmat antara 10 hingga 15 tahun dalam perkhidmatan yang sama.

Kedadaan ini timbul sedangkan tugas dan tanggungjawab yang dipikul sebagai pendidik selepas keluar dari menara gading bukan saja dalam ruang lingkup yang masih tetap sama malah bertambah.

Rasional hilang kekananan mungkin boleh diterima tanpa soal jika pegawai terbabit berpindah atau bertukar ke perkhidmatan lain yang ternyata berbeza dari segi tanggungjawab dan skop tugasnya.

Sebaliknya jika seseorang itu masih berada di bawah jabatan dan perkhidmatan yang sama, soal kekananan yang masih dijadikan syarat dalam menentukan kedudukan dan kenaikan pangkat seseorang perlu dibuat kajian semula yang jelas tidak sesuai dari sudut keadilan.

Sebaiknya, bila menyentuh soal kekananan, kriteria yang dominan yang tidak boleh dipisah dan dilupakan ialah `pengalaman berkhidmat'.

Sememangnya amat baik dan tepat kementerian menghendaki semua kakitangan mengamalkan Etika Kerja Islam iaitu semua kerja dibuat adalah berkonsepkan kerja sebagai ibadat kerana Allah, tetapi kecaknaan pihak berwajib juga dituntut supaya mereka tidak dihimpit kekesalan seumur hidup kerana memilih masuk menara gading untuk mendapat segulung ijazah setelah lebih 10 tahun menjadi guru tidak berijazah.

Kementerian Pelajaran perlu mengambil kira hakikat bahawa guru terbabit ini `dulu pendidik, kini pendidik dan selama-lamanya pendidik' dan masih terus berada di bawah bumbung Kementerian Pelajaran.

Sebagai pendidik saya tetap dengan pegangan 5B iaitu guru berazam, bekerja, berusaha, berkhidmat dan beristiqamah.

MAYUSS,

Ketereh, Kelantan.

(END)